

*BAB
KEEMPAT*

KESIMPULAN

BAB 4

KESIMPULAN

Seperti yang kita sedia maklum, penghasilan sesebuah karya sastera bukan hanya sebagai hiburan semata-mata. Di dalamnya turut terkandung unsur-unsur mendidik atau didaktik yang amat berguna untuk dijadikan iktibar dan tauladan kepada orang ramai atau khalayak pembaca. Kesusasteraan Melayu klasik merupakan media yang utama digunakan untuk menerap unsur-unsur pendidikan dalam diri seseorang. Menurut Syed Othman Syed Omar (1984 : 107-123), hal ini terbukti kerana salah satu fungsi hasil kesusasteraan Melayu klasik adalah berfungsi mengajar atau mendidik rakyat.

Bagi masyarakat Melayu tradisional, isi yang disampaikan itu memainkan peranan penting kerana ia menentukan baik-buruk sesebuah karya. Pengarang yang baik ialah pengarang yang memasukan banyak unsur didaktik dai dalam karyanya. Semakin banyak unsur didaktik yang boleh dikutip dari karya tersebut, maka semakin tinggilah nilai karya tersebut.

Sebenarnya , karya sastera yang dinilai boleh berdasarkan moral sudah dimulai sejak zaman Greek lagi. Plato dalam *Republic*

sudah menegaskan betapa pentingnya moral dalam sastera. Plato juga meletakkan syarat bahawa masyarakat atau perutusan sesebuah karya adalah penting. Tanpa masyarakat, karya itu tidak mempunyai apa-apa pengertian . (Manu Sikana, 1998 :109)

Berdasarkan analisis dalam bab empat, naskhah *Kitab Muhimmah* juga turut terkandung unsur-unsur pendidikan moral di dalamnya. Sebagai sebuah karya sastera tradisional yang tergolong dalam genre sastera kitab, maka unsur pendidikan atau moral merupakan isi utama yang mendasari perkembangan ceritanya. Setiap peristiwa yang dipaparkan terkandung unsur-unsur pendidikan moral yang tersirat.

Kitab Muhimmah yang dipetik daripada teks dasarnya Al-Quran dan Al-Hadith adalah sebuah kitab yang menceritakan tentang hal-hal yang berkaitan dengan perkahwinan, khususnya hukum perempuan yang derhaka kepada suami (*nusyuz*). Oleh kerana Al-Quran dan Al-Hadith itu sendiri menjadi pegangan umat Islam dalam kehidupan di dunia ini, maka unsur pendidikan moral dapat dilihat dengan jelas lagi apabila peristiwa yang terkandung di dalam *Kitab Muhimmah* diolah menjadi sebuah karya sastera untuk tatapan umum.

Unsur moral yang dapat dikutip dalam sepanjang penceritaan *Kitab Muhimmah* ialah, isteri tidak boleh enggan disetubuhi oleh suami, isteri tidak boleh minta talak dengan tiada bersebab, isteri tidak boleh keluar rumah tanpa kebenaran suami dan sebagainya. Unsur-unsur moral ini telah diselit dan diolah dengan baik oleh pengarang. Misalnya unsur moral yang berkaitan dengan isteri tidak boleh enggan disetubuhi oleh suami diuraikan dengan jelas dan disertakan sekali Hadis nabi. Begitu juga djelaskan balasan yang akan diterima oleh isteri yang melakukan perbuatan tersebut di akhirat kelak.

Secara keseluruhannya, dapatlah dikatakan bahawa kesusasteraan adalah karya ciptaan yang menyatakan pengalaman dan perasaan manusia. Di dalamnya terkandung gambaran nilai hidup masyarakatnya. Hasil-hasil kesusasteraan adalah hasil daya cipta masyarakat Melayu lama yang mempunyai keindahan dan kehalusan. Hasil-hasil kesusasteraan itu merupakan pancaran pemikiran Melayu.

Oleh itu, usaha untuk membangunkan peribadi manusia melalui kesusasteraan diakui amat berkesan kerana teknik pengajaran melalui seni amat halus dan benar-benar sesuai dengan daya persepsi manusia. Sebagaimana pendapat Leo Tolstoy yang mengatakan tugas kesusasteraan yang paling disegani oleh seni yang lain ialah aspek

pengajarannya. Mengajar pembaca menjadi orang yang sensitive terhadap negaranya, sedia berkorban mempertahankan kebenaran dan cita-cita menjadi warganegara yang mulia (Mana Sikana, 107). Karya sastera yang sebenarnya adalah karya yang bermoral, bertujuan meningkatkan kehidupan manusia terus menerus kearah kesempurnaan dan sedia, dalam waktu yang sama menentang kebatilan; bukan bertujuan yang remeh-temeh (Shahnon Ahmad, 1991 : 440).

Sehubungan itulah, kajian secara filologi ini cuba mengungkap khazanah-khazanah lama tinggalan masyarakat silam dalam bentuk karya kesusasteraan agar nilai-nilai yang terkandung di dalamnya tidak lenyap begitu sahaja.